



# LENSA

# BANDAR RAYA JB

LENSA MBBB BIL. 1/2023 | Januari - Mac 2023



Imbas Kod QR  
Penerbitan Rasmi MBBB



[www.mbbb.gov.my](http://www.mbbb.gov.my)

[facebook.com/mbbbbrasi](https://facebook.com/mbbbbrasi)



MOU PBT 'The Greater JB' Dimeterai



Malaysian Institute  
of Planners

# MIP PEA 22

TWO THOUSAND

MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS

# MBBB RAIH ANUGERAH



Amanat Datuk Bandar Johor Bahru & Ikrar Bebas Rasuah



Perasmian Sudut Lestari, Perpustakaan Sultan Ismail



9 772637 101009

Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari

# SIDANG PENGARANG

## PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman,  
Datuk Bandar Johor Bahru

## PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus,  
Setiausaha

## PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad,  
Timbalan Setiausaha

## KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

## PENGARANG/KOLUMNIS

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif  
Puan Hidayah binti Yusof  
Cik Nurul Shafina binti Shaari  
Cik Nur Qurratuaini binti Kamaruzaman

## JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah  
Encik Romzi bin Yusof

## URUS SETIA

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

© HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

### Pejabat Datuk Bandar

07-228 2600

### Pejabat Setiausaha

07-228 2626

### Pejabat Timbalan Setiausaha

07-228 2510

### Jabatan Pengurusan

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8055
Bahagian Undang-Undang	07-219 8256
Bahagian Audit Dalam	07-219 8268
Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran	07-219 8117
Bahagian Sistem Maklumat Geografi	07-219 8197
Unit Kerjasama Awam & Swasta	07-219 8234
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	07-219 8273
Unit Pusat Setempat	07-219 8285

### Jabatan Khidmat Pengurusan

Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8070
Bahagian Sumber Manusia	07-219 8184
Bahagian Pentadbiran	07-219 8170
Unit Dasar & Kualiti	07-219 8159
Unit Hal Ehwal Islam	07-219 8210
Unit Mesyuarat	07-219 8022

## DIREKTORI TELEFON MBBJ

### Jabatan Pelesenan

Bahagian Pelesenan (Pentadbiran) 07-219 8295

### Jabatan Perbendaharaan

Bahagian Hasil 07-219 8028  
Bahagian Perbelanjaan 07-219 8091  
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak 07-219 8042

### Jabatan Penilaian

Bahagian Penilaian (Pentadbiran) 07-219 8231

### Jabatan Pengurusan Harta

Bahagian Pengurusan Harta (Pentadbiran) 07-219 8243

### Jabatan Perancangan Pembangunan

Bahagian Perancang (Pentadbiran) 07-219 8246

### Jabatan Kawalan Bangunan

Bahagian Kawalan Bangunan (Pentadbiran) 07-219 8202

### Jabatan Kejuruteraan

Bahagian Kejuruteraan (Pentadbiran) 07-219 8135

### Jabatan Pengangkutan Bandar

Pejabat Am (Pentadbiran) 07-221 5164

### Jabatan Pembangunan Masyarakat

Pejabat Am (Pentadbiran) 07-219 8039

### Jabatan Kesihatan

Pejabat Am (Pentadbiran) 07-228 2628

### Jabatan Penguatkuasaan

Pejabat Am (Pentadbiran) 07-227 1054

### Jabatan Landskap

Pejabat Am (Pentadbiran) 07-228 2636

## INTI SARI



- 3 Malam Penghayatan Islam Sempena Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan MBBJ Ke-29
- 4 Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan MBBJ Ke-29
- 5 Sesi Pelelongan Barangan Sitaan Penguatkuasaan MBBJ Raih Anugerah Integriti, Governans & Antirasuah (AIGA) 2022
- 6 MBBJ Raih Anugerah di MIP Planning Excellence Award 2022
- 7 Majlis Amanat Datuk Bandar Johor Bahru & Majlis Ikrar Bebas Rasuah MBBJ
- 8 Info Lawatan
- 10 Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA 2022)
- 11 Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Pihak Berkuasa Tempatan 'The Greater Johor Bahru' Misi Bantuan Pasca Banjir Southern Volunteers
- 12 Johor Bersih. 'Plogging' Sekitar Bandar Raya Johor Bahru
- 13 - Seminar Warisan Johor Bahru 2023  
- Program Sebaran & Pelancaran Komponen Bandar Pintar, Bandar Rendah Karbon & Bandar Selamat
- 14 - Kunjungan Hormat Delegasi City of Kyoto, Japan International Cooperation Agency (JICA) & Kyoto Environment Activities Association  
- Perasmian Sudut Lestari
- 15 Kilas Lensa
- 16 - MBBJ Terima Anugerah Perak Di Festival Taman Kuala Lumpur  
- Pelancaran Aplikasi Parkir MBBJ Spot V2
- 17 Johor Architectural Heritage Workshop 2023
- 18 Program Zon Ahli Majlis & LA21
- 19 MBBJ Sana Sini



# MALAM PENGHAYATAN ISLAM

## SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN MBBJ KE-29

Pada 31 Disember 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Malam Penghayatan Islam Sempena Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan MBBJ ke-29 di Masjid Jamek Kampung Sungai Danga, Johor Bahru.

Program ini diadakan bertujuan menzahirkan rasa kesyukuran kepada Ilahi atas kurniaan kejayaan serta pencapaian membanggakan yang telah diperoleh

organisasi ini seiring pertambahan usia bandar raya ini. Warga bandar raya Johor Bahru yang hadir ke program ini berkesempatan membaca surah Yasin, doa kesyukuran, solat berjemaah serta mendengar ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Profesor Dr. Arieff Salleh bin Rosman, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia, merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia.





## SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE-29



Pada 1 Januari 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-29 dan Pelancaran Kalendar Acara MBJB ke arah Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan MBJB ke-30 pada tahun 2024. Program ini telah disempurnakan pelancarannya oleh YB Dato' Haji Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Malam sambutan ini dimeriahkan dengan pelbagai pengisian aktiviti antaranya persembahan kebudayaan, persembahan artis jemputan iaitu Mus May dan Liza Hanim, persembahan bunga api, *food truck*, *inflatable playground*, aktiviti *penalty shootout*, *booth jualan* dan banyak lagi sepanjang program ini.



## SESI PELELONGAN BARANGAN SITAAAN PENGUATKUASAAN

Pada 15 Januari 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan jualan lelong sisa bagi kenderaan buruk yang tidak dituntut oleh pemilik setelah tindakan penguatkuasaan dan sitaan dilaksanakan oleh pihak MBBJ.

Acara lelongan yang bertempat di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru ini telah dihadiri oleh seramai 20 orang peniaga barang lusuh/terpakai berlesen dan merupakan acara pelelongan yang pertama diadakan bagi tahun 2023 dan yang ke-17 pernah dianjurkan oleh MBBJ.

Terdahulu, pada 12 hingga 14 Januari 2023 bakal pembida yang berminat dibenarkan untuk melihat kenderaan yang hendak dilelong di Kompleks Bengkel MBBJ, Jalan Mutiara Emas 6/6, Taman Mount Austin, Johor Bahru.

Acara lelongan ini dikendalikan oleh Encik Rahim bin Abu dan Encik Misni bin Abd Rahman dari Jabatan Penilaian, MBBJ. Kenderaan yang dilelong adalah kenderaan yang telah ditunda dan dialihkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 46 (1) (g) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta133].

Sebanyak 304 buah kenderaan (dalam bentuk 30 lot barang) ditawarkan untuk lelongan yang mana terdiri daripada motosikal berjenama Honda, Yamaha dan sebagainya. MBBJ berjaya memperolehi hasil berjumlah RM11,850.00 bagi lelongan pada kali ini.



## MBJB RAIH ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS & ANTIRASUAH (AIGA) 2022

Pada 17 Januari 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima Anugerah Gangsa sempena Majlis Anugerah, Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 sebagai pengiktirafan dan penghargaan atas komitmen dalam membudayakan dan pengamalan integriti dalam organisasi.



AIGA merupakan salah satu daripada pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam usaha memperkasa peranannya sebagai peneraju utama pembudayaan dan penerapan nilai-nilai integriti dan tadbir urus bagi rakyat Malaysia.

Anugerah ini juga akan dapat menjadi mekanisme penanda aras terbaik bagi organisasi awam mahupun swasta dalam membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah terutamanya dalam organisasi masing-masing yang boleh dijadikan contoh teladan kepada organisasi-organisasi lain, selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah”.

# MBJB RAIH ANUGERAH DI MIP PLANNING EXCELLENCE AWARD 2022



Pada 17 Januari 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima tiga anugerah bersempena MIP Planning Excellence Award 2022 yang telah berlangsung di Hotel Majestic Kuala Lumpur. Tiga anugerah yang diraih adalah Gold Award - Kategori Inclusive Design bagi projek ‘Coronation Avenue - Pedestrian Connectivity Improvement Project in Downtown JB’; Gold Award - Kategori Planning Service Excellence bagi projek ‘GeoJB Portal: An Urban Manifestation’ dan Silver Award - Kategori Heritage and Conservation bagi projek ‘The Ei8ht - The Conservation of 8 Shophouses’.

Majlis penganugerahan yang dianjurkan *Malaysia Institute of Planners* ini bertujuan mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh pelbagai agensi terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dalam mendepani cabaran pembangunan perbandaran selain memberi penghormatan kepada projek-projek yang menunjukkan kecemerlangan dan inovasi dalam perancangan, reka bentuk serta pembangunannya yang membawa impak positif kepada orang ramai dan persekitaran keseluruhan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para penerima anugerah. Semoga anugerah ini menjadi pemangkin kepada kejayaan-kejayaan MBBB pada masa akan datang.





## MAJLIS AMANAT DATUK BANDAR JOHOR BAHRU & MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH MBBJ

Pada 19 Januari 2023, telah diadakan Majlis Amanat Datuk Bandar Johor Bahru Bersama Warga Kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) 2023 dan Ikrar Bebas Rasuah MBBJ. Pertemuan YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama warga kerja ini bertujuan memberi amanat, menyingkap kejayaan-kejayaan pada tahun 2022 serta hala tuju organisasi pada tahun 2023.

Antara amanat yang disampaikan Datuk Bandar Johor Bahru adalah berkenaan sasaran untuk memfokuskan kerja kepada agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Johor Bahru; merealisasikan agenda "The Greater Johor Bahru" bersama 3 Pihak Berkuasa Tempatan utama Negeri Johor; serta transformasi perkhidmatan dan anjakan paradigma warga kerja ke arah menuju Ulang Tahun ke-30 Perisytiharan MBBJ pada tahun 2024.

Beliau turut mengingatkan agar seluruh warga kerja berkhidmat dengan penuh amanah, ikhlas, kasih sayang serta nilai kebersamaan.

Dalam pada itu, warga kerja MBBJ juga telah menyempurnakan lafaz Ikrar Perkhidmatan Awam, Ikrar Aku Janji serta Ikrar Bebas Rasuah dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai komitmen untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada warga bandar raya.

Turut hadir dalam Majlis Ikrar Bebas Rasuah hari ini ialah YB Dato' TPj. Haji Azmi bin Haji Alias, Pengarah SPRM Negeri Johor, PKPj Sheikh Hamadi bin Sheikh Abdul Hamid, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Johor, serta pegawai-pegawai SPRM Negeri Johor.





**LAWATAN DARIPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**  
5 Januari 2023: Perkongsian maklumat dan memberi pendedahan mengenai "Sustainable Construction & Green Building".

**LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

31 Januari 2023: Kunjungan hormat daripada YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Turut hadir sama ialah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Datuk Bandar MBSA, Timbalan-Timbalan Setiausaha dan ketua-ketua jabatan MBSA. Kedua-dua pihak telah berkongsi idea dan amalan terbaik mengenai perancangan pembangunan di Johor Bahru.



**LAWATAN DARIPADA PERBADANAN PUTRAJAYA**

8 Januari 2023: Perkongsian amalan terbaik dalam pembinaan makmal insektarium nyamuk berbakteria wolbachia sebagai kaedah kawalan biologi pembiakan nyamuk aedes, serta aspek pengurusan dan pelupusan kenderaan terbiar di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Delegasi lawatan telah diketuai oleh Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh, Naib Presiden Perbadanan Putrajaya.



**LAWATAN DARIPADA UTM & KOOKMIN UNIVERSITY, KOREA**

14 Februari 2023: Lawatan ini diadakan bertujuan mendalami ilmu pengetahuan serta amalan terbaik berkaitan bangunan hijau di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) serta kawasan pentadbiran MBBJ. Delegasi lawatan ini diketuai oleh Profesor Dr. Normah Mohd Ghazali (Universiti Teknologi Malaysia) dan Profesor Dr. Hong John (Kookmin University) bersama-sama para pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM dan pelajar Kookmin University, Republic of Korea.





**LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

19 Februari 2023: Mempelajari peranan Warden Trafik dan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



**LAWATAN DARIPADA EXCO BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG & MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

21 Februari 2023: EXCO dan Majlis Bandaraya (Unit Teknologi Maklumat & Jabatan Pengangkutan Bandar) Pulau Pinang mempelajari cara pengurusan, perolehan dan penjagaan "LED Screen" yang digunakan di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

# INFO LAWATAN



**KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

10 Mac 2023: YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai. Kunjungan ini bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala dan perkongsian amalan terbaik dalam aspek bandar pintar, teknologi hijau, 'upcycle' dan penerangan berkaitan pemusatan pusat panggilan.



**LAWATAN DARIPADA NAMHAE COUNTY COUNCIL, KOREA**

21 Februari 2023: MBBB telah menerima lawatan daripada pihak Namhae County Council, Republic of Korea, di Menara MBBB, Bukit Senyum. Delegasi Namhae County Council telah diketuai oleh Mr. Lim Tae-Sik, Chairman of Namhae County Council, yang hadir bersama-sama Mdm. Jeong Yeong-Ran, Vice Chairman of Namhae County Council, barisan 'Committee Members dan 'Councillors' dari Namhae County Council. Pertemuan ini bertujuan mempelajari struktur organisasi dan dasar MBBB selain menerokai peluang kerjasama di antara kedua-dua organisasi khususnya dalam aspek agenda masyarakat rendah karbon, bandar pintar, teknologi hijau dan sebagainya.

# Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA 2022)



Karnival Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA 2022) telah diadakan pada 26 hingga 28 Januari 2023 dengan kerjasama antara pihak Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA), Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan kejohanan sukan ini.

Antara sukan yang dipertandingkan termasuklah badminton, futsal, karom, boling, bola jaring, sepak takraw dan golf. Tiga Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menjadi tuan rumah kejohanan sukan ini di beberapa lokasi yang telah ditetapkan.

Seramai lebih 3,000 peserta mengambil bahagian dalam tujuh (7) acara sukan yang dipertandingkan di sekitar bandar raya Johor Bahru, Iskandar Puteri dan Pasir Gudang.

Majlis Bandaraya Johor Bahru mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta kejohanan terutamanya yang telah memberikan komitmen yang terbaik sepanjang berlangsungnya kejohanan sukan selama tiga hari ini. Sekalung ucapan tahniah juga kepada para peserta yang telah menduduki tempat teratas dalam acara MALA 2022 ini.





## Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Pihak Berkuasa Tempatan 'The Greater Johor Bahru'

Sebagai usaha berterusan menjayakan agenda pembangunan 'The Greater Johor Bahru' dan Negeri Johor, satu Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Pihak Berkuasa Tempatan 'The Greater' Johor Bahru bersama Persatuan Profesional Johor telah diadakan di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Bukit Senyum pada 31 Januari 2023.

Hadir menyaksikan pemeteraian MOU ini ialah YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, YB Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md. Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama-sama Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Persekutuan.

Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan 'The Greater' Johor Bahru yang memeterai MOU ini termasuklah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai, bersama Persatuan Profesional Johor yang terdiri daripada

Persatuan Akitek Malaysia Southern Chapter (PAMSo), Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA), Institution of Engineers Malaysia Southern Branch (IEMSB), Johor Master Builders Association (JMBA), Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), Malaysian Institute of Planners (MIP), Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM), Persatuan Arborist Malaysia (PARM) dan Association of Consulting Architects Malaysia (ACAM).

MOU yang dimeterai ini yang merupakan kesinambungan dari beberapa siri perbincangan setelah 'The Greater' Johor Bahru dibentuk pada tahun 2022, bertujuan memacu pembangunan di Johor Bahru dan Negeri Johor selari dengan sasaran 'The Greater' Johor Bahru agar setaraf dengan bandar-bandar maju di peringkat global. Selain itu, persefahaman ini memastikan keselarasan dalam proses penyediaan, pengesyoran dan kelulusan pembangunan-pembangunan baharu dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 'The Greater' Johor Bahru agar lebih lancar dan efisien untuk kebaikan bersama.

## Misi Bantuan Pasca Banjir Southern Volunteers



Pada 1 Februari 2023, seramai 150 orang anggota yang terdiri daripada pasukan sukarelawan Southern Volunteers, dengan kerjasama anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Puspanita MBPG telah terlibat dengan Misi Bantuan Pasca Banjir di kawasan Pengerang, Johor yang terjejas akibat bencana banjir.

Majlis pelepasan misi ini telah disempumakan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Yang Berhormat Dato' Haji On bin Jabbar@Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia, Sukarelawan) sebelum itu telah berkesempatan menyampaikan ucapan dan taklimat berkaitan misi pasca banjir tersebut.

Misi bantuan ini menyasarkan kerja-kerja pembersihan dan pemuliharaan premis-premis yang terjejas dan terkesan akibat bencana banjir.



# JOHOR BERSIH

5 Februari 2023: YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, bersama-sama YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md. Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, agensi-agensi kerajaan, swasta dan penduduk sekitar melaksanakan aktiviti 'plogging' di Sungai Skudai dan Taman Tampoi Utama, Johor Bahru.

Turut sama menyertai aktiviti 'plogging' ialah YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, Encik Mohd Farid bin Kassim, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Cik Nor Akmal binti Muhammad, Ahli Majlis MBBJ Zon Tampoi, Jabatan Pengairan dan Saliran, SWM Environment, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, jawatankuasa penduduk dan warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## 'PLOGGING' SEKITAR BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

Pada 31 Januari 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan aktiviti 'plogging' di Jalan Trus, Jalan Ngee Heng, Jalan Tun Razak dan Jalan Wong Ah Fook di pusat bandar Johor Bahru bersempena kempen Johor Bersih 2.0.

Aktiviti 'plogging' ini diadakan pada hari Selasa setiap minggu di sekitar bandar raya Johor Bahru dalam usaha untuk memastikan kebersihan bandar, selain menggalakkan orang awam untuk turut serta dalam memelihara keindahan bandar raya ini.



Turut sama menjayakan aktiviti ini ialah pihak Polis Diraja Malaysia, pihak pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Kompleks Tun Abdul Razak (JBCC), JB City Square dan Galleria@Kotaraya.



### PELAKSANAAN PROGRAM JOHOR BERSIH

#### 'Litter Picking'

7 Januari - Di Jalan Kolam Ayer

31 Januari - Di Muzium Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Jalan Tun Abdul Razak

#### 'Plogging'

5 Februari - Di kawasan berdekatan Hospital Sultanah Aminah, bangunan MBJB dan Taman Istimewa

12 Februari - Di Zon Bandar dan Zon Bandar Baru Uda

19 Februari - di Zon Setia Tropika

19 Februari - Jom Bersih Zon Bandar Dato' Onn di Sungai Tebrau, Kampung Kangkar Tebrau



## Seminar Warisan Johor Bahru 2023

Pada 7 Februari 2023, telah diadakan Seminar Warisan Johor Bahru 2023 Sempena Ulang Tahun Pengisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke-29 anjuran Perpustakaan Sultan Ismail MBBJ dan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia (PSLM) di Dewan Kenanga, Menara MBBJ, Bukit Senyum.

Pelbagai tajuk menarik mengenai sejarah perkembangan bandar raya Johor Bahru telah dikupas oleh panelis pakar seperti 'Johor Bahru Perbandaran Moden Abad Ke-19 di Asia Tenggara' oleh Encik Mohd Zulfadli bin Md Maarof (Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor) 'Sejarah Perkembangan Kerajaan Tempatan Johor Bahru' oleh Dr. Mardiana binti Nordin (Universiti Malaya), 'Meneliti Sejarah Johor Bahru Melalui Peta-Peta' oleh Encik Mohd Azlan bin Dato' Mohd Sharif (Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Johor Kawasan Batu Pahat) dan 'Perkembangan Pentadbiran Daerah Johor Bahru 1914-1942' oleh Encik Ahmad Farhan bin Abdullah@ Zakaria (Universiti Malaya).



## Program Sebaran & Pelancaran Komponen Bandar Pintar, Bandar Rendah Karbon & Bandar Selamat

Pada 22 Februari 2023, telah diadakan program Sebaran dan Pelancaran Komponen Bandar Pintar, Bandar Rendah Karbon dan Bandar Selamat Melalui Pelan Pemajuan, Garis Panduan Perancangan MBBJ 2023 serta 'Johor Fast Lane MBBJ' di Dewan Kenanga, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Program ini diadakan bertujuan mewujudkan persekitaran MBBJ yang lebih kondusif, berkualiti dan mampan;

memastikan hasrat kerajaan seperti agenda bandar pintar, bandar rendah karbon dan bandar selamat dapat dilaksanakan dengan penglibatan pemacu-pemacu industri seperti pemaju, perunding dan pelaksana di tapak; serta memperkemaskan syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan melalui pemantauan dan pemeriksaan secara berkala.

## Kunjungan Hormat Delegasi City of Kyoto, Japan International Cooperation Agency (JICA) & Kyoto Environment Activities Association

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima kunjungan hormat dan perbincangan bersama-sama delegasi dari City of Kyoto, Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Kyoto Environmental Activities Association (KEAA) Japan, di Menara MBBJ pada 14 Februari 2023. Dalam sesi pertemuan ini, pihak delegasi Jepun telah memberi pembentangan berkaitan projek-projek terkini JICA di Malaysia dan potensi kerjasama baharu bersama JICA; pembentangan status MOU antara MBBJ dan KEAA serta sasaran hab masyarakat rendah karbon dan Sudut Lestari; dan pembentangan dari City of Kyoto berkaitan isu perubahan iklim, pengurusan banjir, serta insentif kepada pihak pemaju dan industri untuk menerapkan amalan hijau dalam pengurusan kerja seharian. Kedua-dua belah pihak turut membincangkan prospek untuk



meluaskan kerjasama di antara bandar raya Johor Bahru dan Kyoto yang akan memberi impak positif kepada warga bandar raya.

Terdahulu, MBBJ bersama pihak Iskandar Regional Development

Authority (IRDA), JICA, City of Kyoto dan KEAA telah memeterai Memorandum Persefahaman pada tahun 2021 dalam usaha memelihara alam sekitar serta membudayakan amalan rendah karbon di bandar raya ini.



### PERASMIAN SUDUT LESTARI MBBJ, PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL

Sebagai usaha berterusan mendukung hasrat membangunkan masyarakat rendah karbon dan cakna akan pemeliharaan alam sekitar, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama-sama Iskandar Regional Development Authority (IRDA), City of Kyoto, Kyoto Environmental Activities Association (KEAA), Japan International Cooperation Agency (JICA) Kansai dan Kuala Lumpur, telah membangunkan Sudut Lestari MBBJ di Perpustakaan Sultan Ismail pada 14 Februari 2023.

Sudut Lestari MBBJ ini berperanan mempromosikan pendidikan alam

sekitar, menyokong aktiviti alam sekitar, memberikan maklumat mengenai gaya hidup mesra alam dan merupakan hab perkembangan kemahiran sumber manusia berkaitan alam sekitar.

Selain itu, sudut ini bertujuan mewujudkan modul untuk membangun dan melatih 'Juara Hijau' (Green Champions) bagi mengetengahkan kesedaran, pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar serta memperkenalkan konsep 'The Kyoto-Model' dalam pengamalan pendidikan alam sekitar di Malaysia.

Hadir menyempumakan majlis ini ialah YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama Mr. Terunuma Takeshi (Assistant Director, Global Environment Policy Office, City of Kyoto), Mr. Niikawa Tatsuro (Chairman of Kyoto Environmental Activities Association), Mr. Takizawa Masahiko (Chief Representative, JICA Kuala Lumpur), Mr. Itoyama Hiroshi (Deputy Director of Partnership Program Division, JICA Kansai), Puan Kamisah binti Mohd Ghazali (Senior Vice President of Iskandar Regional Development Authority), Tuan Haji Mohd. Norlisam Mohd Nordin (Pengurus Besar Korporat SWM Environment), Encik Tam Leong Fon (Pengurus Kanan Operasi Wilayah Johor Selatan, SWM Environment) serta para pegawai dari MBBJ, SWM Environment, IRDA, Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan sekolah-sekolah sekitar Johor Bahru.

# KILAS LENSА



18 Februari 2023 - 'JB Car Free Day' dan Majlis Perasmian Karnival Maju Johor & Semarak Uniti Daerah Johor Bahru, disempurnakan oleh YB Datuk Pandak bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Iskandar di Dataran Bandaraya Johor Bahru.



1 Februari 2023 - Sesi Libat Urus (SLU) Biro Pengaduan Awam Negeri Johor (BPANJ) bersama pihak MBBJ yang membincangkan status aduan awam yang telah diterima oleh biro itu.



6 Februari 2023 - YB Dato' Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, selepas mempengerusikan sesi perbincangan bersama MBBJ, Yayasan Bandaraya Johor Bahru, SWCorp Negeri Johor dan SWM Environment berkaitan status gerak kerja inisiatif 'The Greater Johor Bahru'.



13 Februari 2023 - Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Jom Kitar Semula Botol Kaca Sekolah Rendah Negeri Johor. SJK (C) Chung Hwa, Pontian juara bagi Kategori Kutipan Kitar Semula Botol Kaca setelah berjaya mengumpulkan 4,600 kilogram botol kaca. Tahniah kepada 30 buah sekolah lagi yang telah berjaya mengumpulkan keseluruhan 24,000 kilogram botol kaca dalam tempoh 4 bulan penganjuran program.

# MBJB TERIMA ANUGERAH PERAK DI FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2023



Pada 9 Mac 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memenangi Anugerah Perak menerusi projek 'Terrabiosis Parklet' di Festival Taman Kuala Lumpur (KLPF) 2023 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Projek 'Terrabiosis Parklet' (Combination of Terrarium & Simbiosis) MBJB ini mempersembahkan reka bentuk parklet yang diinspirasi daripada Menara MBJB dan Bunga Inai Merah sebagai bunga rasmi MBJB. Terrarium bermaksud bekas yang diperbuat daripada kaca atau plastik mengandungi tanaman, yang diperuntukkan bagi pelbagai keperluan seperti kajian, kaedah bercucuk tanam dan hiasan, manakala simbiosis pula bermaksud bersama dan hidup, yang merupakan asas bagi semua ekosistem. Reka bentuk parklet ini juga telah menerapkan elemen Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).



Anugerah ini telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiasua Negara pada 9 Mac 2023 bertempat di Taman Tasik Titiwangsa.

## PELANCARAN APLIKASI PARKIR MBJB SPOT V2

Selaras dengan pelaksanaan bandar raya pintar di Johor Bahru dan usaha menormakan 'cashless and digital society', Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melalui Jabatan Penguatkuasaan dengan kerjasama Tetuan Presgo Gateways Sdn. Bhd. telah menambahbaik sistem letak kereta yang sedia ada iaitu aplikasi MBJB Spot yang dibangunkan sejak 2016 kepada aplikasi MBJB Spot V2 yang dilancarkan pada 28 Februari 2023.

Warga bandaraya MBJB perlulah memuat turun aplikasi ini dalam telefon pintar masing-masing kerana bermula 1 Jun 2023 segala urusan tempat letak kereta di bawah pentadbiran MBJB telah didigitalkan sepenuhnya dan tiada lagi penggunaan kupon parkir. Muat turun aplikasi "MBJB Spot V2" melalui App Store dan Google Playstore.

### MBJB SPOT V2

**KINI BERWAJAH BARU!**

**MUAT TURUN VERSI TERKINI SEKARANG**



- ▶▶ PELBAGAI PILIHAN LOG MASUK
- ▶▶ PELBAGAI PILIHAN PARKIR
- ▶▶ PELBAGAI PILIHAN SOKONGAN
- ▶▶ SEMAK DAN BAYAR KOMPAUN

IMBAS DI SINI



[www.mbjbspot.com/](http://www.mbjbspot.com/) [t.me/mbjbspot](https://t.me/mbjbspot)



# JOHOR ARCHITECTURAL HERITAGE WORKSHOP 2023

Sebagai usaha berterusan menjayakan agenda pembangunan lestari di Johor Bahru dan Negeri Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama-sama Pertubuhan Akitek Malaysia Cawangan Selatan (PAMSo) dan DECCO+ telah menganjurkan *Johor Architectural Heritage Workshop 2023* di Dewan Kenanga, Menara MBBJ pada 19 Mac 2023.

Program ini dilaksanakan sebagai satu 'platform' perkongsian ilmu, pengalaman dan matlamat bagi mengenalpasti, memulih, memelihara, mengekalkan dan melindungi warisan seni bina di negeri Johor.

Selain itu, program ini bertujuan menggalakkan pemilik, pihak-pihak berkepentingan, orang ramai dan pihak kerajaan untuk meneroka dan menghargai seni bina yang memberi inspirasi, reka bentuk warisan binaan, lekapan dan kelengkapan.

Program ini telah disempurnakan perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Rahim bin Ramli, Yang DiPertua Jumaah Majlis DiRaja Johor, serta dihadiri oleh Ahli-Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor, pihak-pihak berkuasa tempatan Negeri Johor, ahli-ahli Persatuan Akitek Malaysia dan DECCO+, para pensyarah, pelajar-pelajar universiti serta semua pihak berkepentingan.

MBJB akan menerapkan usaha pemuliharaan warisan seni bina ini dalam dasar serta perancangan pembangunan bandar raya Johor Bahru selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke-11 iaitu 'to make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable'.

Di bawah sasaran 11.4 SDG ini pula, turut menekankan kepada peningkatan usaha untuk memelihara warisan budaya dan semulajadi di seluruh dunia.

"Seperti yang kita semua ketahui, sejarah dan warisan adalah merupakan komponen spiritual atau roh dalam identiti fizikal sesebuah bandar raya ataupun sesebuah negeri, serta merupakan nadi kepada masyarakat yang hidup di dalamnya.

Warisan seni bina atau fizikal yang kita ada inilah yang mengekalkan nama dan reputasi sesebuah bandar dan negeri serta ianya amat penting kepada identiti bandar raya dan negeri tersebut"

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman,  
Datuk Bandar Johor Bahru





7 Januari 2023: Program Memperkasakan Keluarga Mawaddah, Zon Tampoi di House of Tampoi



8 Januari 2023: 'Search & Destroy' Zon Bakar Batu di Taman Sri Intan

## PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21



20 Januari 2023: Karnival Tahun Baru Cina, Zon Johor Jaya di Jalan Dedap, Taman Johor Jaya



5 Februari 2023: Sambutan Tahun Baru Cina, Zon Setia Austin di Taman JP Perdana



30 Januari 2023: Sambutan Tahun Baru Cina, Penduduk Zon Taman Mount Austin



11 Mac 2023: Sambutan Hari Lanskap Negara 2023



12 Januari 2023: Kerja-Kerja Pembersihan Semula (Vandalisme) di Pusat Bandar Johor Bahru



24 Januari 2023: Majlis 'Clock-Out' En. Abd. Rahman Abdullah, Pengarah Audit MBBJ



1 Februari 2023: Kempen Derma Darah Anjuran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru & MBBJ



12 Februari 2023: Sesi Perjumpaan Datuk Bandar Bersama Skwad Kilat MBBJ



# MBJB SANA SINI

2 Januari 2023: Malam Apresiasi Ahli Majlis di Restoran D'Muara Senibong Cove



# DAH BAYAR CUKAI HARTA?



**JOM BAYAR CUKAI HARTA  
DEMI MENJANA KEMAKMURAN  
& MEMBINA KESEJAHTERAAN  
BANDAR RAYA KITA**

## MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan  
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan



### ➤ WAKTU URUSAN

KAUNTER SETEMPAT / KAUNTER BAYARAN  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**Kaunter Setempat Pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn**

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.30 petang

Khamis : 8.00 pagi - 3.30 petang

07-219 8077

**Kaunter Setempat Cawangan Johor Jaya**

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang

Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang

07-357 3314

**Kaunter Setempat Cawangan Permas Jaya**

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang

Khamis : 9.00 pagi - 1.00 tengah hari

07-386 1535

**Kaunter Pusat Transformasi Bandar**

(UTC) Galleria @ Kotaraya

Setiap hari : 8.00 pagi - 5.00 petang

07-221 4261

**Kaunter Setempat Menara MBBJ (Aras 3)**

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.00 petang

Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang

Waktu rehat : 1.00 tengah hari - 2.00 petang

### Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum,  
80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim

Talian Am  
Faksimili  
Talian Bebas Tol  
Whatsapp Aduan  
Laman SISPA  
E-Mel

07-219 8000  
07-223 0619  
1-300-88-0146  
019-778 8212  
mbjb.spab.gov.my  
info@mbjb.gov.my

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)